

Tetapi kuduskanlah Kristus di dalam hatimu sebagai Tuhan! Dan siap sedia pada segala waktu untuk memberi pertanggungjawaban kepada tiap-tiap orang yang meminta pertanggungjawaban dari kamu tentang pengharapan yang ada padamu, tetapi dengan lemah lembut dan hormat, dan dengan hati nurani yang murni, supaya mereka yang memfitnah kamu kerana hidupmu yang baik dalam Kristus menjadi malu oleh fitnah mereka itu.  
1 Petrus 3:15-16

Mei 10, 2026

www.heraldmalaysia.com



## Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,  
Engkau memanggil kami untuk berjalan  
bersama sebagai umat-Mu,  
ditarik ke dalam kehidupan  
persekutuan Bapa, Putera,  
dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap  
untuk Konvensyen  
Pastoral Malaysia 2026.

Ajarlah kami untuk mendengar dengan  
mendalam, untuk menilai dengan setia,  
dan untuk mempercayai ke mana  
Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu  
empat aspek yang sedang kami  
pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami,  
agar mereka menjadi tempat cinta,  
iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami,  
agar kami dapat berkembang dalam  
persekutuan, penyertaan, dan saksi  
yang penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan  
ciptaan, agar kami dapat menjaga bumi  
dengan rasa hormat, tanggungjawab,  
dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam  
komuniti, agar kami dapat mencari  
keadilan, mempromosikan keamanan,  
dan berdiri dalam solidariti dengan  
yang miskin dan yang terpinggir.

Ketika jalan pastoral lahir  
daripada pertimbangan kami, semoga  
ia memperkaya dan menguatkan  
komuniti iman tempatan kami.

Dengan Maria, Bonda Gereja,  
yang merenungkan Firman-Mu dan  
berjalan dalam iman, ajarilah kami  
untuk berjalan bersama  
dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar dalam  
Kristus, penuh perhatian terhadap satu  
sama lain, dan terbuka kepada  
karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini membantu  
kami hidup dengan lebih setia sebagai  
satu Gereja Katolik Malaysia,  
melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.  
Amin

(terjemahan-HERALD)



**TAKHTA SUCI:** Sri Paus Leo XIV, pada April 27, mengunjungi Akademi Eklesiastikal Kepausan di Roma sambil menegaskan bahawa para paderi yang terlibat dalam diplomasi Takhta Suci dipanggil menjadi pelayan kepada keamanan, kebenaran dan keadilan.

Lawatan tersebut bertepatan dengan ulang tahun ke-325 penubuhan institusi itu, yang turut mempunyai makna peribadi bagi Sri Paus, kerana beliau pernah mengunjunginya sebelum dipilih sebagai Uskup Roma ketika masih menjawat sebagai Prefek Dikasteri untuk Para Uskup.

### Membina kesatuan dalam Kristus

Sri Paus melahirkan rasa syukur atas sejarah panjang dedikasi dan pelayanan Akademi, yang dihiasi sumbangan para paderi dari pelbagai negara.

Menurut beliau, usaha mereka — meskipun sering tersembunyi — telah membantu membina kesatuan dalam Kristus, menjadikan persekutuan sebagai ciri utama para anggota Diplomat Takhta Suci.

### Pembaharuan dan pertobatan berterusan

Selain pembaharuan dalam struktur akademik meliputi bidang undang-undang, sejarah, sains politik, ekonomi dan bahasa, Sri Paus menegaskan bahawa pembaharuan yang paling penting ialah pembaharuan hati.

Beliau menyifatkannya sebagai satu perjalanan pertobatan berterusan yang menuntut sikap dekat dengan umat, kesediaan mendengar, semangat persaudaraan, serta kerendahan hati dan kelembutan dalam pelayanan.

### Menjadi jambatan atau pembawa damai

Mengimbas teladan para santo dan Sri Paus terdahulu, Sri Paus menegaskan bahawa para diplomat kepausan dipanggil untuk menjadi pembawa khabar Paskah: "Damai sejahtera bagi kamu."

Dalam dunia yang sering dilanda konflik, mereka diutus untuk menjadi "jambatan" dan "saluran" rahmat Tuhan, agar damai Kristus dapat hadir dalam sejarah manusia.

### Saksi kebenaran dan pembela keadilan

Sri Paus menegaskan bahawa para diplomat Takhta Suci harus membawa kebenaran iaitu Kristus ke dalam pergaulan antarabangsa, sebagai tanda kasih-Nya kepada semua manusia. Mereka dipanggil terlebih dahulu sebagai gembala, sebelum berperanan sebagai diplomat.

Panggilan ini mengingatkan bahawa tugas utama mereka adalah melayani umat dengan hati seorang gembala: mendengar, membimbing dan menguatkan — agar setiap usaha diplomatik yang dijalankan sentiasa berakar pada kasih Kristus.

Dalam dunia yang penuh ketegangan, mereka juga harus menjadi pembela keadilan dan penjaga maruah manusia, serta terus komited kepada dialog dan perdamaian.

### Dorongan untuk pelayanan

Presiden Akademi, Uskup Agung Salvatore Pennacchio, menyifatkan lawatan Sri Paus sebagai sumber dorongan bagi para pelajar yang sedang mempersiapkan diri untuk pelayanan diplomasi Takhta Suci. **Media Vatikan**

# Santa bunga kecil yang memikat dunia

Antara santo yang paling memberi kesan mendalam dalam hidup saya ialah Therese dari Lisieux, yang dikenali sebagai “Bunga Kecil”. Namun, hubungan ini tidak bermula dengan mudah.

Untuk sekian lama, saya berasa kurang tertarik kerana gambaran dirinya sering dikaitkan dengan kesalehan yang terlalu manis dan bersifat emosional. Dia dilihat terlalu lembut dan terlalu suci — seolah-olah tidak dekat dengan realiti hidup saya.

Pandangan itu berubah apabila seorang sahabat menasihati, “Jangan baca buku tentang dia—bacalah tulisannya sendiri.” Melalui pembacaan tersebut, saya akhirnya menemukan sahabat jiwa. Siapakah Therese dari Lisieux? Beliau merupakan seorang biarawati Karmelit yang wafat pada tahun 1897 akibat penyakit batuk kering, pada usia 24 tahun.

Sepanjang hidupnya, beliau menjalani kehidupan yang tersembunyi di sebuah biara di kawasan luar bandar Perancis dan tidak dikenali secara meluas, hanya dikenali oleh segelintir orang. Namun, dalam dua tahun terakhir hidupnya, ketika berdepan dengan penderitaan penyakit tersebut, beliau menulis beberapa catatan rohani dalam bentuk diari.

Selepas wafatnya, para suster Karmelit mengedarkan diari yang belum diterbitkan itu kepada beberapa biara lain, dengan tujuan berkongsi berita kematiannya dan ringkasan hidupnya dalam kalangan kecil wanita religius.

Namun, perkembangan beliau seterusnya sangat luar biasa. Manuskrip tersebut tersebar kepada masyarakat umum, dan dalam tempoh kurang daripada sepuluh tahun, permintaan terhadap autobiografinya meningkat begitu pesat sehingga pihak percetakan sukar memenuhinya. Mengapa? Apakah yang membuat Therese dari Lisieux terus memikat hati sepanjang zaman?

Jawapannya mungkin terletak pada keupayaannya menyentuh jiwa manusia dengan empati yang begitu halus dan mendalam.

Bagaimanakah keperibadian ini terben-



tuk? Latar kehidupannya tidak biasa, malah membentuk peribadi yang luar biasa.

Sejak kecil, hidupnya sudah diuji. Ibunya jatuh sakit ketika beliau dilahirkan, dan sepanjang tahun pertama hidupnya — saat yang paling memerlukan sentuhan seorang ibu — beliau tidak mendapat penjagaan itu sepenuhnya.

Beliau dibesarkan oleh seorang pengasuh dan ibu saudaranya. Ketika usianya mencecah setahun, beliau kembali ke sisi ibunya, tetapi ibunya sudah semakin lemah akibat penyakit.

Tidak lama kemudian, pada usia empat tahun, Therese dari Lisieux kehilangan ibunya buat selama-lamanya.

Dalam kesedihan itu, beliau berpaut kepada kakaknya, Pauline, sebagai pengganti ibu. Namun lima tahun kemudian, apabila Pauline memilih hidup membiara, beliau sekali lagi kehilangan figur seorang ibu — ketika usianya baru sembilan tahun.

Tidak lama selepas itu, beliau jatuh sakit hingga hampir meragut nyawanya — semuanya bermula daripada satu kunjungan ke biara Pauline. Ketika itu, Pauline sudah menjadi biarawati Karmelit. Bersama tiga kakaknya dan ayahnya, Therese dari Lisieux datang melawat.

Pada mulanya, Pauline memberi perhatian kepada adiknya, tetapi tidak lama kemudian, beliau sibuk berbual dengan orang dewasa.

Dengan rasa kecewa dan terpinggir, Therese kecil berdiri betul-betul di hadapan kakaknya, menggoyangkan gaunnya sambil menangis. “Ada apa?” tanya Pauline.

“Kakak tak perasan!” katanya dalam tangisan, “Ini gaun yang kakak jahit untuk saya!”

Selepas itu, beliau menjadi sangat murung dan kembalinya ke rumah, beliau terbaring sakit selama beberapa minggu. Walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh doktor dan ahli keluarganya berusaha memujuknya, beliau berada di antara hidup dan mati.

Akhirnya, beliau pulih. Begitulah rapuh dan sensitifnya zaman kanak-kanaknya. Namun — di sinilah keanehannya—semasa kecil, Therese of Lisieux sebenarnya dibesarkan dalam kasih sayang yang luar biasa. Ayahnya, para kakaknya dan keluarga besar menganggapnya sebagai “puteri kecil” mereka.

Beliau disayangi sepenuh hati dan sentiasa dibuat berasa istimewa. Kakaknya, Céline, bahkan merakam hampir setiap de-

tik hidupnya. Jarang ada kanak-kanak yang membesar dengan limpahan kasih dan penghargaan seperti beliau.

Selepas itu, beliau tenggelam dalam kesedihan dan kembalinya ke rumah, beliau terbaring sakit selama beberapa minggu. Walaupun pelbagai rawatan telah diusahakan dan keluarganya berusaha memujuknya, keadaannya sering berada di antara hidup dan mati. Namun akhirnya, beliau pulih.

Demikianlah masa kecil Therese dari Lisieux — penuh kerapuhan dan kepekaan. Namun pada masa yang sama, beliau dibesarkan dalam kasih sayang yang luar biasa. Ayahnya, para kakaknya dan keluarga besar menganggapnya sebagai “puteri kecil” mereka.

Beliau disayangi sepenuh hati dan sentiasa diperlakukan sebagai seorang yang amat berharga. Kakaknya, Céline, bahkan merakam hampir setiap detik hidupnya. Tidak ramai kanak-kanak yang menerima perhatian dan kasih sedemikian.

Begitu dikasihi sejak kecil, sebahagian daripada dirinya kekal sebagai seorang anak kecil — *puella* — lambang kepolosan, kesucian, dan keceriaan.

Hanya Therese dari Lisieux mampu mengakhiri setiap suratnya dengan ungkapan: “Aku mencium kamu dengan sepenuh hatiku!”

Dalam jiwa yang dibentuk sedemikian terletak keunikan rohaninya — gabungan kedalaman, kebijaksanaan, dan sentuhan dunia ilahi — meskipun dia tetap berpaut erat pada hadiah-hadiah kecil daripada keluarganya dan tanda-tanda kasih sayang yang sederhana.

Hanya jiwa seperti ini, pada usia 22 tahun, mampu menghasilkan tulisan mistik dan teologi yang setanding dengan karya para doktor Gereja, dan pada masa yang sama memperlihatkan kepekaan emosi yang tinggi serta ketahanan jiwa yang luar biasa. Seorang santo dengan kedalaman jiwa ini mampu menjadi sahabat jiwa bagi kita yang juga kompleks. **Fr Ron Rolheiser @ Hakipta Terpelihara 1999-2026**

## Mengasihi tanpa dilihat, memberi tanpa dihargai

Dalam Injil hari ini, Yesus berkata: “Jikalau kamu mengasihi Aku, kamu akan menuruti perintah-Ku” (Yoh 14:15). Kasih kepada Kristus bukan sekadar perasaan, tetapi nyata dalam tindakan. Kasih itu hidup apabila kita memilih untuk taat, walaupun sukar.

Dalam Kisah Para Rasul, Filipus mewartakan Kristus di Samaria. Hasilnya? “Banyak orang disembuhkan... dan kota itu penuh sukacita” (Kis 8:8).

Ini menunjukkan bahawa apabila Injil dihidupi dan dikongsi, ia membawa pemulihan dan sukacita yang nyata. Namun, iman tidak berhenti pada kata-kata.

Para rasul Petrus dan Yohanes datang dan berdoa supaya mereka menerima Roh Kudus. Di sinilah kita melihat bahawa kehidupan Kristiani memerlukan kuasa Roh Kudus untuk menguatkan iman kita.

Santo Petrus pula mengingatkan: “Siapa sedialah untuk memberi pertanggungjawaban tentang pengharapan yang ada padamu, tetapi dengan lemah lembut dan hormat” (1 Ptr 3:15).

Dunia hari ini memerlukan kesaksian, bukan hanya hujah. Orang tidak hanya mahu mendengar — mereka mahu melihat.

Bagaimana kita menghidupi ini secara konkrit?

Pertama, dalam keluarga. Mengasihi Yesus boleh bermula dengan perkara kecil: bersabar dengan anak atau pasangan, meminta maaf walaupun kita rasa benar,



atau meluangkan masa mendengar. Kasih yang sederhana ini adalah ketaatan kepada Kristus.

Kedua, di tempat kerja. Kita mungkin dikelilingi oleh sikap tidak menghargai. Namun, kita tetap memilih untuk jujur, tidak membalas dengan kebencian, dan terus melakukan yang baik.

Seperti Kristus yang “menderita sekali untuk dosa-dosa kita, yang benar untuk orang yang tidak benar” (1 Ptr 3:18), kita juga dipanggil untuk setia walaupun tidak dihargai.

Ketiga, dalam kehidupan rohani. Yesus berjanji: “Aku tidak akan meninggalkan kamu sebagai yatim piatu” (Yoh 14:18). Roh Kudus sentiasa menyertai kita. Maka, doa harian—walaupun singkat—adalah cara kita

membuka hati kepada kehadiran-Nya.

Hari ini, kita diingatkan bahawa kasih kepada Yesus bukan teori. Ia adalah pilihan harian — untuk taat, untuk mengasihi, dan untuk tetap berharap.

Dan dalam setiap langkah kecil itu, Roh Kudus bekerja, membawa sukacita yang tidak dapat diberikan oleh dunia.

Namun, sering kali cabaran sebenar bukan pada perkara besar, tetapi pada kesetiaan dalam perkara kecil yang berulang setiap hari.

Mengampuni orang yang sama berkali-kali, tetap bersabar walaupun keletihan, dan terus memilih untuk berbuat baik walaupun hati terasa hambar — semua ini memerlukan rahmat Tuhan.

Di sinilah kasih kita dimurnikan, bukan lagi

### HARI MINGGU PASKAH KEENAM (A)

KISAH PARA RASUL 8: 5-8, 14-17;  
1 PETRUS 3: 15-18;  
INJIL 14: 15-21

bergantung pada emosi, tetapi pada keputusan untuk setia.

Yesus juga menyebut tentang Roh Kebenaran yang tinggal dalam diri kita (Yoh 14:17). Ini bermakna kita tidak berjalan sendirian.

Dalam kekeliruan, Roh Kudus memberi terang. Dalam kelemahan, Dia memberi kekuatan. Dalam keletihan, Dia memberi penghiburan.

Kadang-kadang kita tidak merasainya secara jelas, tetapi kehadiran-Nya nyata dalam ketenangan yang datang secara perlahan, dalam keberanian untuk terus melangkah, dan dalam hati yang masih mampu mengasihi.

Akhirnya, hidup sebagai murid Kristus adalah perjalanan yang perlahan tetapi pasti. Kita mungkin tidak melihat hasilnya dengan segera, seperti Filipus yang melihat sukacita di Samaria.

Namun setiap tindakan kasih, setiap ketaatan kecil, adalah benih yang ditanam. Tuhanlah yang akan menumbuhkannya pada waktu-Nya. Dan suatu hari nanti, kita akan melihat bahawa tidak ada satu pun kebaikan yang sia-sia di hadapan-Nya. **Fr Gabriel Augustinus SJ (gabrielaugustine.oed@gmail.com)**

# Katekis dipanggil membentuk iman yang hidup



KENINGAU: Sempena Hari Minggu Panggilan pada April 26, seramai 359 orang Katekis Pelayan Ibadat Sabda (PIS) telah berhimpun di Dataran Keuskupan Keningau dalam Misa pembukaan Konvensi Pastoral Katekis (PIS) Keuskupan Keningau bagi tahun 2026.

Dalam homilinya, Uskup Cornelius Piong menegaskan bahawa tugas utama seorang katekis PIS adalah menyedarkan umat akan panggilan asas mereka, iaitu menjadi semakin serupa dengan Kristus sejak pembaptisan sampai selamanya.

Melalui pewartaan Sabda dan

pengajaran iman yang benar, umat dibimbing untuk memahami dan menghayati iman secara mendalam.

Prelatus itu turut mengingatkan bahawa peranan katekis bukan sekadar menyampaikan pengetahuan agama, tetapi menjadi saksi hidup yang mencerminkan kasih dan kebenaran Kristus dalam kehidupan seharian.

Dengan kesetiaan dan komitmen, katekis dipanggil untuk membentuk umat yang matang dalam iman, berakar teguh dalam Gereja, serta berani memberi kesaksian di tengah masyarakat.

Sebagai pelayan Ibadat Sabda,

katekis bukan sekadar menyampaikan ajaran, tetapi berperanan membimbing dan menggerakkan umat agar hidup seturut teladan Kristus dalam kehidupan harian.

Pelayanan ini penting dalam membantu umat bukan hanya untuk mengenal Kristus, tetapi juga meneladani-Nya dalam kehidupan harian.

Konvensi ini diharapkan dapat memperkukuh semangat para katekis PIS dalam pelayanan, agar terus setia menjadi saksi iman yang hidup dan berkesan dalam komuniti, demi membangun umat yang semakin serupa dengan Kristus.

## Hari Polis ke-219: Polis santuni komuniti Gereja



KLANG: Bersempena sambutan Hari Polis ke-219 tahun ini, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Klang Selatan telah melaksanakan program *High Profile Policing* (HPP) bersama komuniti penganut Kristian di Gereja Katolik *Our Lady of Lourdes*. Program ini berlangsung pada April 22 dan diketuai oleh Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Lim Jit Huey, dengan penyertaan pegawai serta anggota daripada IPD Klang Selatan serta Pasukan Polis Marin Klang Selatan.

Turut hadir ialah para pemimpin Gereja serta wakil komuniti Kristian sekitar Klang yang bersama-sama memeriahkan program tersebut dalam suasana penuh harmoni.

Pelaksanaan HPP ini bertujuan meningkatkan kehadiran serta ketertarikan pihak polis di lokasi tumpuan awam, sekali gus memberikan rasa selamat dan keyakinan kepada para penganut yang hadir untuk menjalani aktiviti keagamaan.

Inisiatif ini juga menjadi wadah penting untuk memperkukuh hubungan silaturahim serta menjalin kerjasama strategik antara pihak polis dan kom Gereja, demi memastikan keamanan dan kesejahteraan setempat terus terpelihara.

Di samping itu, program ini turut menyemarakkan sambutan Hari Polis ke-219 melalui pendekatan

kepolisian komuniti yang menekankan interaksi mesra, pembinaan kepercayaan awam, serta peningkatan kesedaran masyarakat terhadap peranan polis dalam memelihara keselamatan dan keharmonian bersama.

Selain kehadiran anggota polis, program ini turut membuka ruang dialog santai antara pihak berkuasa dan komuniti gereja, sekali gus menggalakkan perkongsian pandangan serta kebimbangan berkaitan keselamatan setempat.

Pendekatan ini diharap dapat memperkukuh kepercayaan dua hala dan memastikan setiap lapisan masyarakat berasa dilindungi serta dihargai.



## Misa peringati khidmat Wira Keamanan

TAMPIN: Gereja St John Vianney telah menganjurkan "Sembahyang Agama Kristian Hari Polis ke-219" pada April 16.

Ia merupakan perayaan yang menggabungkan iman dan penghargaan terhadap khidmat pasukan keselamatan.

Misa ini diadakan bagi mengenang dedikasi, pengorbanan dan komitmen anggota polis yang telah berkhidmat dengan setia sepanjang tahun, khususnya dalam usaha melindungi masyarakat serta memelihara keamanan negara. Dalam suasana liturgi yang khusyuk, doa-doa dipanjatkan bagi memohon perlindungan Tuhan ke atas para anggota polis, di samping mengenang jasa mereka yang telah melaksanakan tugas dengan

penuh tanggungjawab.

Majlis tersebut turut menghimpunkan pegawai polis, ahli keluarga serta anggota komuniti setempat dalam semangat kesyukuran dan kebersamaan.

Kehadiran pelbagai lapisan masyarakat ini mencerminkan sokongan padu terhadap peranan penting pasukan polis dalam memastikan kesejahteraan awam.

Tema rasmi sambutan Hari Polis ke-219 (2026) ialah: "Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada". Tema ini menekankan hubungan erat antara Polis Diraja Malaysia dan masyarakat, di mana kerjasama, kepercayaan, serta sokongan bersama menjadi asas dalam mengekalkan keamanan, keselamatan dan kesejahteraan negara.

## Nyanyian paderi, religius meriahkan usaha dana Poor Clare



KENINGAU: Majlis Malam Seribu Kenangan telah diadakan pada April 12, bertempat di Rumah Retret Keuskupan Keningau Tatal.

Program ini bertujuan untuk mengumpul dana bagi untuk membina Biara Kongregasi *Poor Clare* di Keuskupan Keningau.

Dana dikumpulkan melalui lagu-lagu tajaan nyanyian para paderi dan para religius.

Turut hadir ialah Uskup Cornelius Piong, Msgr Gilbert Lasius dan Msgr Nicholas Stephen dari Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Keuskupan Keningau secara rasminya mengalu-alukan kedatangan Kongregasi *Poor Clare Sister* pada September 12, 2019 lalu. "Kongregasi kontemplatif penting untuk menyedarkan kehadiran Tuhan serta menyokong Gereja dan keuskupan melalui doa. Dalam dunia yang semakin lalai akan Tuhan, mereka menjadi saksi bahawa Tuhan hidup di tengah kita," jelas Uskup Cornelius Piong.

Semoga pembinaan Biara Kongregasi *Poor Clare* berjalan lancar dan dipercepatkan.

## Pertemuan antara agama semai kesatuan

SEREMBAN: Pelayanan Paroki bagi Hal Ehwil Ekumenikal dan Antara Agama (PMEIA) Gereja Visitation telah menganjurkan pertemuan antara agama pada April 18, bertemakan Sukacita Paskah Membawa Damai dan Kesatuan kepada Kemanusiaan.

Majlis ini dikendalikan oleh Anne Sumitra bersama pasukannya, sebagai usaha memupuk keharmonian, dialog dan persahabatan antara komuniti pelbagai

agama dalam semangat Paskah.

Pertemuan ini menghimpunkan wakil daripada pelbagai pertubuhan keagamaan termasuk IKRAM, komuniti Bahá'í, Hindu Sangam, *Agape Church*, Persatuan Buddha, Gurdwara Seremban, *Malaysia Sikh Union*, *St Mark's Church*, Gereja Methodist, Kuil Sri Balathandayuthapani Seremban serta *Amazing Grace Church*.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Teoh Kok Seong,


Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Industri dan Hal Ehwil Bukan Islam Negeri serta Ahli Dewan Undangan Negeri Bahau, yang menegaskan kepentingan keharmonian antara agama dalam memperkukuh perpaduan masyarakat.

Acara dimulakan dengan doa pembukaan yang dipimpin oleh Fr Albet Arockiasamy, memohon berkat Tuhan agar damai, kesatuan dan saling pengertian terus dipupuk.



# Sahabat kecil Yesus

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai



Aku akan \_\_\_\_\_ kepada \_\_\_\_\_, dan Dia akan \_\_\_\_\_ kepadamu seorang \_\_\_\_\_ yang lain, supaya Dia \_\_\_\_\_ kamu selama-lamanya, iaitu \_\_\_\_\_ Kebenaran.

(Yohanes 14:16-17)

menyertai Penolong Roh minta memberikan Bapa



Helo anak-anak.

Dalam pembacaan Injil pada hari Minggu ini, Yesus berkata, "Jika kamu mengasihi Aku, kamu akan menuruti perintah-Ku."

Ini bermaksud kita menunjukkan kasih kepada Yesus bukan hanya dengan kata-kata, tetapi melalui perbuatan kita setiap hari.

Apabila kita menolong ibu bapa, berkongsi dengan kawan, berkata benar, dan tidak bergaduh, kita sebenarnya sedang mengasihi Yesus.

Contohnya, apabila kita membantu mengemas rumah tanpa disuruh, atau berkongsi makanan dengan kawan yang terlupa membawa bekal, itu sudah menjadi tanda kasih kita. Apabila kita memilih untuk

berkata jujur walaupun kita takut dimarahi, itu juga satu cara kita menghormati Yesus.

Yesus juga berjanji bahawa Dia tidak akan meninggalkan kita sendirian. Dia menghantar Roh Kudus, Penolong kita.

Roh Kudus membantu kita membuat pilihan yang betul, mengingatkan kita untuk berbuat baik, dan memberi kita keberanian apabila kita takut.

Walaupun kita tidak dapat melihat Yesus, Dia sentiasa dekat dengan kita.

Jadi anak-anak, marilah kita menunjukkan kasih kita kepada Yesus dengan hidup seperti yang Dia ajar — mengasihi, memaafkan, dan berbuat baik setiap hari.


Salam Sayang  
Aunty Melly



Bantu kanak-kanak menemui jalan untuk memberi bunga kepada Santa Perawan Maria.

**WARNAKAN GAMBAR DIBAWAH DAN GUNTINGKANNYA UNTUK DIBERIKAN KEPADA IBU ANDA.**

♥ : Selamat : ♥  
Hari Ibu



Lengkapkan wajah dan sambungkan garis-garis yang terputus. Jangan lupa warnakan gambar ini.



# BELIA



## MENCARI PANGGILAN, MENEMUI ARAH

JOHOR BAHRU: Lebih 400 peserta dari seluruh Keuskupan Melaka Johor berhimpun di Gereja *Immaculate Conception* bagi menyertai Program Pencarian Panggilan.

Para peserta itu datang dari lapan paroki. Turut bersama mereka ialah 30 orang paderi dan religius yang mewakili pelbagai kongregasi serta keuskupan.

Program yang bertujuan memperkenalkan keindahan panggilan hidup dalam Gereja, turut disokong oleh 38 sukarelawan.

Panggilan hidup ini bukan sahaja tentang imamat dan kehidupan religius, tetapi juga kehidupan berkeluarga dan bujang.

Pendekatan ini membantu peserta memahami bahawa setiap orang dipanggil menjalani kekudusan melalui keadaan hidup masing-masing. Beberapa sesi dalam pasukan telah menyatukan peserta yang mempunyai latar bahasa yang berbeza.

Antara pengisian utama ialah sesi "round-robin", di mana peserta dibahagikan mengikut bahasa dan bergerak dari satu stesen ke stesen lain.

Setiap stesen dikendalikan oleh pasangan suami isteri, umat awam bujang, paderi dan religius.

Melalui pendekatan ini, peserta dapat



berdialog secara lebih dekat, mengemukakan soalan dan mendalami panggilan hidup dalam suasana terbuka dan penuh kepercayaan.

Selain daripada itu, sepuluh kongregasi religius dengan kerjasama pasukan panggilan keuskupan membuka reruai pameran.

Pada waktu rehat tengah hari, para peserta berpeluang mengenali pelbagai karisma dan bentuk kehidupan bakti.

Suasana di reruai pameran juga meriah dengan interaksi santai antara peserta dan para religius, yang berkongsi

pengalaman panggilan mereka secara peribadi.

Melalui pertemuan ini, ramai peserta mendapat gambaran lebih jelas tentang kehidupan pelayanan serta komitmen yang dilalui.

Aktiviti mengumpul cop daripada setiap reruai, yang boleh ditukar dengan ais krim, menambah unsur santai dan kegembiraan.

Kemuncak program ini ialah Adorasi Sakramen Mahakudus yang dipimpin oleh para biarawan Fransiskan (OFM), sebelum Misa penutup.

Dalam suasana doa yang mendalam,

peserta menulis buah refleksi dan panggilan yang dirasakan pada kertas berbentuk hati, lalu dipersembahkan di hadapan altar sebagai tanda penyerahan diri kepada Tuhan.

Misa penutup yang dipimpin oleh Uskup Bernard Paul diraikan dalam pelbagai bahasa.

Dalam homilinya, beliau menggariskan perjalanan panggilan melalui enam langkah: kehidupan harian, gangguan, kegelapan, ketaatan, keputusan dan hala tuju.

Uskup Bernard menegaskan bahawa panggilan Tuhan sering berkembang secara beransur-ansur, menuntut keterbukaan, kepercayaan dan kemurahan hati untuk menyahutnya.

Prelatus itu turut mengingatkan bahawa setiap pengalaman hidup, sama ada sukacita mahupun cabaran, boleh menjadi ruang Tuhan berkarya dalam diri seseorang. Oleh itu, umat diajak untuk tidak takut melangkah, tetapi berani mempercayai hidup kepada bimbingan Tuhan yang setia.

Program Panggilan ini berjaya menggabungkan doa, pembentukan iman dan pertemuan peribadi, sekali gus menjadi pengalaman bermakna bagi mereka yang sedang mencari arah panggilan hidup.



## WYD 2027 angkat lima Santo sebagai panduan kaum muda

SEOUL: Jawatankuasa Penganjur Tempatan (LOC) WYD Seoul 2027 mengumumkan lima santo pelindung selaras tema kebenaran, kasih dan damai, sebagai teladan iman bagi kaum muda hari ini.

Antara yang dipilih ialah Sri Paus Sto Yohanes Paulus II, Sto Andrew Kim

Taegon bersama para martir Korea, Sto Frances Xavier Cabrini, St Josephine Bakhita dan Sto Carlo Acutis.

Pemilihan ini melalui tinjauan melibatkan golongan muda dan pelayan pastoral sejak akhir 2024, diikuti penelitian oleh LOC.

Para sukarelawan turut mendalami

spiritualiti para santo ini sebagai sebahagian persiapan rohani.

Menurut Kardinal Kevin Farrell, santo pelindung membantu kaum muda memahami panggilan Tuhan dan menyahutnya dengan keberanian.

Uskup Agung Peter Soon-taick Chung pula menegaskan bahawa setiap santo

menawarkan contoh hidup yang nyata dalam menghadapi cabaran zaman.

Penganjur akan terus memperkenalkan para santo ini melalui pelbagai inisiatif, termasuk cara interaktif "Meet Your Patron Saint!" agar golongan muda semakin dekat dengan teladan kekudusan dalam kehidupan harian. **Media Vatikan**

## Berita singkat antarabangsa

### Paskah Kukuhkan Hubungan Katolik-Anglikan

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV mengadakan pertemuan bersama Uskup Agung Canterbury, Yang Mulia dan Yang Berhormat Dame Sarah Mullally, sebelum kedua-duanya berdoa bersama di Kapel Urban VIII, Istana Apostolik.

Dalam suasana Paskah, Sri Paus meluahkan sukacita atas pertemuan tersebut sambil mengimbas hubungan bersejarah antara Sri Paus Paulus VI dan Michael Ramsey enam dekad lalu—satu detik penting dalam dialog ekumenikal antara Gereja Katolik dan Komuni Anglikan.

Sri Paus Leo turut menghargai peranan *Anglican Centre in Rome* dalam memperkukuh hubungan kedua-dua tradisi.

Mengangkat mesej Paskah, Sri Paus menegaskan bahawa

damai Kristus adalah “tanpa senjata”, kerana Kristus membalas keganasan bukan dengan kekerasan, tetapi dengan kasih dan pengampunan.

Umat Kristian, katanya, dipanggil untuk menghidupi damai tersebut dalam dunia yang dilanda konflik.

Pertemuan ini menjadi tanda harapan dan komitmen bersama untuk terus memajukan kesatuan serta kesaksian Kristian demi keamanan sejagat.

Pertemuan dan doa bersama ini mencerminkan komitmen berterusan kedua-dua tradisi untuk memperkukuh hubungan ekumenikal, khususnya dalam usaha bersama mempromosikan keamanan, kesatuan dan kesaksian Kristian di dunia hari ini. Media Vatikan

### Katedral Jakarta sambut ulang tahun ke-125

JAKARTA: Katedral Santa Maria Diangkat ke Syurga di Jakarta, Indonesia, menyambut ulang tahunnya yang ke-125 pada April 21, dengan pemimpin Gereja menekankan bahawa kepentingannya terletak bukan pada bangunan itu sendiri tetapi pada umat yang berkumpul di dalamnya.

“Sudah tentu, ucapan tahniah ini bukan ditujukan kepada bangunan itu sendiri, tetapi kepada semua orang beriman yang datang ke sini secara berkala, terutamanya para umat Paroki

Katedral,” kata Kardinal Ignatius Suharyo dari Jakarta semasa Misa Kesyukuran yang diadakan minggu lalu.

“Dengan rasa syukur yang mendalam, saya ingin mengucapkan tahniah atas ulang tahun ke-125 katedral,” kata kardinal itu.

Perayaan tersebut menghimpunkan para paderi dan umat dari seluruh Keuskupan Agung Jakarta, merayakan lebih dari satu abad peranan katedral sebagai tempat duduk Gereja tempatan. LICAS News

### Thailand perhebat promosi panggilan

BANGKOK: Gereja Katolik di Thailand menyambut Hari Doa Sedunia untuk Panggilan, yang juga dikenali sebagai Hari Minggu Gembala Baik, dengan seruan baru kepada umat untuk secara aktif memupuk dan menemani panggilan ke dalam kehidupan paderi dan kehidupan yang dihaskan.

Disambut setiap tahun pada Minggu Keempat Paskah, acara ini — yang diperkenalkan oleh Sri Paus Paulus VI pada tahun 1964 — mengajak umat Katolik di seluruh dunia untuk berdoa agar lebih ramai lelaki dan wanita akan menyahut dengan murah hati kepada panggilan

Tuhan.

Tahun ini menandakan ulang tahun ke-63 bagi pemerhatian global.

Di seluruh Thailand, anggota gerakan Serra, sebuah kerassulan awam yang didedikasikan untuk mempromosikan panggilan, memimpin inisiatif berasaskan paroki, menggalakkan komuniti untuk berdoa secara sengaja bagi panggilan selepas Misa.

Organisasi ini terus memainkan peranan penting dalam menyokong mereka yang sedang membuat pertimbangan panggilan kepaderian dan religius. LICAS News

### China perkukuh pembentukan paderi, religius

BEIJING: Keuskupan Katolik di seluruh China daratan memperingati Hari Doa Sedunia untuk Panggilan pada April 25 dan 26 melalui pelbagai inisiatif bersama, sebagai sahutan terhadap kekurangan panggilan kepada imam dan kehidupan religius.

Seminari Keuskupan Beijing menyeru umat agar memainkan peranan aktif dalam memupuk panggilan, dengan menggalakkan lebih ramai mendengar undangan Kristus: “Datanglah dan ikutlah Aku.”

Umat diajak menjadi “penjaga dan penggerak panggilan” dalam Gereja. Menurut Agensi

Berita *Fides*, program kesedaran dan pembentukan dijalankan di paroki, keuskupan dan seminari, khususnya sempena Hari Minggu Gembala Baik.

Di Beijing, bahan pembentukan seperti buku kecil Kitab Suci diedarkan kepada umat, bersama cenderamata bergambar katedral sebagai tanda sokongan terhadap usaha memupuk panggilan.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen Gereja di China untuk terus menyuburkan budaya panggilan, sambil menegaskan bahawa setiap umat mempunyai peranan dalam menjawab undangan Tuhan. LICAS News



## Sebagai gembala Gereja, saya tidak sokong perang

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV telah menamatkan Perjalanan Apostoliknya yang panjang di benua Afrika.

Dalam penerbangan pulang ke Roma dari Malabo, perhentian terakhir di Guinea Khatulistiwa, beliau berkesempatan menjawab soalan daripada lima orang wartawan daripada kira-kira 70 wakil media yang mengikuti lawatan tersebut.

Dalam sidang media itu, Sri Paus menyentuh pelbagai isu penting termasuk peperangan, rundingan antara Amerika Syarikat dan Iran, migrasi, hukuman mati, serta isu pemberkatan pasangan sejenis.

Mengimbas kembali pengalamannya di empat negara Afrika, Sri Paus menegaskan bahawa setiap perjalanan yang dilakukannya bukan sekadar kunjungan rasmi, tetapi satu misi pastoral.

Sebagai Uskup Roma, beliau melihat Perjalanan Apostolik ini sebagai peluang untuk bertemu, menyertai, dan mengenali umat Tuhan secara lebih dekat.

Menurut beliau, perhatian umum sering tertumpu kepada aspek politik—apa yang dikatakan Sri Paus tentang sesuatu isu, atau mengapa beliau tidak mengkritik sesebuah kerajaan.

Namun, beliau menjelaskan bahawa tujuan utama lawatan terse-

but adalah untukewartakan Injil serta membawa mesej Yesus Kristus, yang hadir dalam kegembiraan, iman, dan juga penderitaan manusia.

Dalam pertemuan-pertemuan sepanjang lawatan itu, Sri Paus turut berbincang dengan para pemimpin negara, dengan harapan dapat mendorong pemikiran yang lebih terbuka demi kesejahteraan bersama, termasuk dalam isu keadilan sosial dan pengagihan sumber.

Namun, beliau menegaskan bahawa yang paling utama ialah pertemuan dengan umat — melihat, mendengar, dan berjalan bersama mereka dalam semangat iman.

Sri Paus juga menyifatkan pengalamannya bersama rakyat Guinea Khatulistiwa sebagai satu rahmat yang istimewa.

Walaupun hujan turun ketika kunjungannya, ia disambut dengan penuh sukacita oleh umat tempatan — sebagai tanda berkat dan kesatuan dengan Gereja sejagat.

Menjawab soalan berkaitan konflik global, khususnya ketegangan melibatkan Iran, Sri Paus menyeru agar dunia memupuk budaya damai yang baharu. Prelatus itu mengingatkan bahawa tindak balas berasaskan keganasan dan peperangan hanya membawa

lebih banyak penderitaan, terutama kepada orang awam yang tidak bersalah.

Bapa Suci turut berkongsi kisah menyentuh hati tentang keluarga yang kehilangan anak-anak akibat serangan, serta seorang kanak-kanak Muslim yang pernah menyambutnya dengan penuh harapan, namun akhirnya menjadi mangsa konflik. Kisah-kisah ini, katanya, harus menyentuh hati nurani dunia.

Dalam konteks konflik Iran, Sri Paus mengakui situasinya amat rumit dan tidak menentu.

Namun, beliau menegaskan bahawa persoalan sebenar bukanlah perubahan rejim semata-mata, tetapi bagaimana nilai kemanusiaan dapat ditegakkan tanpa mengorbankan nyawa yang tidak berdosa.

Sri Paus Leo menggesa semua pihak agar terus mengutamakan dialog, menghormati undang-undang antarabangsa, serta berusaha menghindari peperangan.

Sebagai seorang gembala Gereja, beliau menegaskan bahawa beliau tidak dapat menyokong sebarang bentuk peperangan, sebaliknya menyeru dunia untuk mencari jalan damai yang berasaskan kasih, bukan kebencian dan perpecahan. Media Vatikan

## Paderi baharu diseru jadi saluran kehidupan

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV mentahbiskan sepuluh orang paderi baharu dalam Misa Kudus di Basilika St Peter pada hari Minggu, April 26, bertepatan dengan sambutan Hari Doa Sedunia untuk Panggilan.

Dalam Misa pada April 26, Sri Paus mendasarkan homilinya pada Injil Yohanes, khususnya sabda Yesus: “Aku datang supaya mereka mempunyai hidup, dan mempunyainya dengan berkelimpahan.”

Beliau menegaskan bahawa kemurahan hati para paderi yang baru ditahbiskan menjadi tanda nyata bahawa janji Kristus itu terus hidup dalam Gereja hingga hari ini.

### Pelayanan yang membina persekutuan

Sri Paus menggambarkan kepaderian sebagai satu pelayanan yang memupuk persekutuan.

Menurut beliau, hubungan yang mendalam dengan Kristus tidak

menjaukan para paderi daripada umat, sebaliknya mempererat hubungan mereka dengan semua orang.


“Semakin mendalam kesatuan dengan Kristus, semakin luas keterlibatan kita dalam kemanusiaan,” tegasnya.

Beliau turut menyentuh makna selibat, yang diibaratkan seperti kasih dalam perkahwinan—memerlukan kesetiaan, pembaharuan, dan komitmen berterusan.

Kasih ini, katanya, harus membentuk para imam bukan sahaja sebagai pelayan Gereja yang setia, tetapi juga anggota masyarakat yang bertanggungjawab dan membina.

### Berani menghadapi realiti

Merujuk kepada gambaran “pencuri dan perompak” dalam Injil, Sri Paus mengakui realiti dunia yang dipenuhi keganasan dan ketidakstabilan. Namun, Sri Paus



menegaskan bahawa Yesus sendiri tidak mengundurkan diri di hadapan bahaya — dan demikian juga panggilan seorang paderi. “Realiti tidak seharusnya menaakutkan kita,” katanya.

Bapa Suci turut mengingatkan bahawa obsesi terhadap keselamatan boleh menjerumuskan manusia kepada ketakutan, perpecahan dan permusuhan. Sebaliknya, para paderi diajak untuk menemukan kekuatan dan kestabilan dalam Kristus, bukan dalam kedudukan atau peranan mereka. Media Vatikan

MALABO: Dalam Misa yang berlangsung di Stadium Malabo, Equatorial Guinea, Sri Paus Leo XIV mengingatkan umat bahawa melalui Kitab Suci, Tuhan sendiri menyatakan makna kehidupan manusia, memperlihatkan kasih-Nya, dan mengutus kita untuk mewartakannya kepada semua orang.

Dalam homilinya, Sri Paus menegaskan bahawa masalah hidup tidak lenyap begitu sahaja, tetapi diterangi oleh terang Tuhan. Seperti setiap salib menemukan penebusan dalam Yesus, demikian juga kisah hidup manusia memperoleh makna dalam terang Injil.

Sri Paus mengajak umat untuk bertanya dalam hati: adakah kita benar-benar percaya bahawa kasih Tuhan lebih kuat daripada kematian?

Dengan memilih untuk percaya, manusia sebenarnya memilih antara keputusan dan harapan yang ditawarkan oleh Tuhan.

Merujuk kepada kata-kata Yesus, "Roti yang akan Aku berikan untuk kehidupan dunia adalah daging-Ku," Sri Paus menekankan bahawa dalam Kristus, kelaparan manusia akan kehidupan dan keadilan dipenuhi. Oleh itu, Gereja dipanggil untuk terus hidup sebagai komuniti yang penuh sukacita, meneruskan misi para murid pertama dengan semangat yang segar dan berani.

Pada awal homili, Sri Paus turut merakamkan ucapan takziah atas pemergian Vikaris Jeneral Keuskupan Agung Malabo, Fr Fortunato Nsue Esono, yang meninggal dunia secara tiba-tiba.

Sri Paus mengajak umat untuk menghadapi saat duka ini dengan iman, tanpa terburu-buru membuat kesimpulan, sambil mempercayakan segala-galanya kepada Tuhan.

Misa tersebut merupakan penutup kepada perjalanan apostolik Sri Paus selama 11 hari di Afrika, yang merangkumi Algeria, Cameroon, Angola dan Equatorial Guinea.

Kehadiran kira-kira 30,000 umat di stadium mencerminkan semangat iman yang hidup dan harapan yang mendalam dalam Gereja setempat.

Menyampaikan renungan daripada bacaan Kisah Para Rasul, Sri Paus memberi



## Iman harus dihidupi!

perhatian kepada kisah pertemuan diakon Filipus dengan seorang sida-sida Etiopia.

Walaupun lelaki itu berpengetahuan dan berkedudukan, dia tidak benar-benar bebas. Namun, melalui pewartaan Injil, hidupnya berubah.

Firman Tuhan yang dipegangnya mula berbuah, membebaskan dirinya daripada belenggu lama, dan membawanya kepada kehidupan baru.

Pertemuan sida-sida itu dengan Filipus mengubahnya daripada sekadar pembaca kepada saksi yang hidup akan firman Tuhan.

Bapa Suci menjelaskan, "Melalui pembaptisannya, sida-sida itu bukan lagi orang asing, tetapi menjadi anak Tuhan dan saudara dalam iman. Walaupun dahulu seorang hamba, dia dilahirkan semula dalam kebebasan sebagai anak Tuhan.

Beliau turut mengingatkan bahawa membaca Kitab Suci adalah tindakan peribadi dan gerejawi yang menuntut penglibatan hati, bukan sekadar penguilangan mekanikal.

Seperti sida-sida tersebut, kita juga memerlukan bimbingan dalam per-

jalanan iman, agar firman Tuhan benar-benar hidup dalam diri kita. Akhirnya, Sri Paus mengajak umat untuk menyatakan iman bukan hanya melalui kata-kata, tetapi melalui kehidupan — dalam pelayanan, keadilan dan solidariti.

Dengan demikian, Injil tidak hanya didengar, tetapi menjadi nyata dalam dunia, sebagai rasi yang membawa pembaharuan kepada masyarakat.

Sri Paus mengajak umat bertanya dalam hati: adakah kita sungguh percaya bahawa kasih Kristus lebih kuat daripada kematian? Dengan percaya kepada-Nya, manusia memilih antara keputusan dan harapan yang ditawarkan oleh Tuhan. Beliau menegaskan bahawa masalah hidup tidak hilang di hadapan Tuhan, tetapi diterangi oleh-Nya. Seperti salib yang menemukan makna dalam Kristus, demikian juga kehidupan manusia menemukan makna dalam Injil.

Melalui kesaksian hidup, katanya, pewartaan keselamatan menjadi nyata melalui tindakan, pelayanan dan pengampunan — dan di situlah Gereja menjadi hidup.

**Media Vatikan**

### Jus rohani untuk jiwa

## Cinta bertepuk sebelah tangan!

#### Putus cinta ...

Putus cinta memang menyakitkan, tetapi dalam iman Katolik, ia boleh menjadi ruang untuk kembali kepada Tuhan.

Mengizinkan diri merasai sedih tanpa menolak emosi, lalu serahkan luka itu dalam doa. Firman Tuhan mengingatkan: "Tuhan itu dekat kepada orang yang patah hati" (Mazmur 34:18).

Ambil masa untuk hening, kembali kepada sakramen, dan percayalah bahawa Tuhan tetap memimpin langkahmu. Seperti janji-Nya: "Segala perkara bekerja untuk kebaikan bagi mereka yang mengasihi Dia" (Roma 8:28). Luka ini bukan pengakhiran, tetapi permulaan pemulihan dalam kasih-Nya.

#### Cinta bertepuk sebelah tangan

Cinta yang tidak berbalas memang perit — lebih-lebih lagi bila ia tulus. Dalam iman Katolik, langkah pertama bukan menafikan rasa itu, tetapi membawanya kepada Tuhan dengan jujur.

Kita diingatkan: "Serahkanlah segala kerisauanmu kepada-Nya, sebab Ia memelihara kamu" (1 Petrus 5:7). Belajar juga untuk melepaskan dengan kasih. Cinta sejati tidak memaksa, tidak memiliki, tetapi menghormati kebebasan orang lain. Di sini kita bertumbuh dalam kasih yang lebih murni — kasih yang memberi tanpa syarat, seperti Kristus.

Gunakan masa ini untuk kembali menata



hati: perbanyakkan doa, dekatkan diri kepada sakramen, dan isi hidup dengan perkara yang membina. Tuhan tidak pernah sia-siakan kasih yang tulus. "Kasih itu sabar, kasih itu murah hati..." (1 Korintus 13:4).

Mungkin cinta itu tidak menjadi seperti yang diharapkan, tetapi Tuhan sedang membentuk hati yang lebih matang — supaya suatu hari nanti, kita mampu mengasihi dengan cara yang lebih benar dan bebas.

#### Dikhianati

Pengkhianatan dalam cinta memang melukakan — bukan hanya hati, tetapi juga kepercayaan. Dalam iman Katolik, soalnya bukan sekadar "lepaskan atau tidak," tetapi bagaimana kita bertindak menurut kebenaran, maruah diri, dan kehendak Tuhan.

Pertama, izinkan diri berduka dan jujur di hadapan Tuhan. "Tuhan itu dekat

kepada orang yang patah hati" (Mazmur 34:18). Luka itu nyata, dan Tuhan tidak memandang ringan air mata kita.

Kedua, nilai hubungan dengan tenang. Jika pengkhianatan berulang, tidak disesali, atau merosakkan martabatmu, melepaskan boleh menjadi tindakan yang benar — bukan kerana berhenti mengasihi, tetapi kerana memilih kebaikan dan kebenaran. Kasih Kristiani tidak menuntut kita bertahan dalam sesuatu yang melukai jiwa.

Namun, jika ada pertobatan yang tulus, kejujuran, dan usaha memperbaiki, maka pemulihan boleh dipertimbangkan — dengan batas yang jelas, bimbingan rohani, dan masa. "Kasih itu sabar... tidak mencari keuntungan diri sendiri" (1 Korintus 13:4), tetapi kasih juga tidak menutup mata terhadap kebenaran.

Ketiga, mengampuni — bukan untuk membenarkan kesalahan, tetapi untuk membebaskan hatimu.

Pengampunan tidak selalu bermakna kembali seperti dahulu. Ia adalah jalan penyembuhan. Seperti diajar Yesus: "Ampunilah... maka kamu akan diampuni" (Lukas 6:37).

Akhirnya, percayalah Tuhan sedang bekerja dalam hidupmu. Dia tidak pernah meninggalkanmu dalam kegelapan ini. Kadang-kadang, melepaskan adalah cara Tuhan melindungi dan menuntun kita kepada sesuatu yang lebih benar, lebih sihat, dan lebih suci. **Terang Iman**

### PENULIS BERKICAU

## Doa hebat yang terabai

Dalam dunia yang sering dipenuhi bunyi konflik dan kegelisahan, manusia mudah lupa bahawa damai tidak bermula di medan besar, tetapi di dalam hati.

Kita mencari penyelesaian di luar — dalam kata-kata, kuasa, atau tindakan — namun sering terlepas bahawa perubahan yang paling mendalam lahir daripada hubungan yang hidup dengan Tuhan.

Di sinilah doa rosari menemukan maknanya. Ia bukan sekadar rangkaian doa yang diulang, tetapi satu perjalanan batin yang perlahan dan setia.

Tidak dapat dinafikan, dari sudut pandang manusiawi, doa rosari sering dilihat sebagai sesuatu yang membosankan — doa yang diulang-ulang, memakan masa, dan kelihatan tidak "produktif".

Dalam dunia yang bergerak pantas, di mana segala sesuatu diukur dengan hasil segera, duduk berdiam diri sambil mengulangi doa boleh dianggap sia-sia.

Baru-baru ini, semasa ke Gereja, di tempat letak kereta, saya terdengar perbualan sebuah keluarga yang agak kuat. Kebetulan ketika itu, doa rosari sebelum Misa Kudus sedang berjalan.

Si ibu lalu mengatakan, "Eh, baru doa rosari. Mari kita duduk di luar dahulu." Maksudnya, selepas doa rosari, baharulah mereka akan masuk ke Gereja.

Banyak perkara penting dalam hidup — seperti membina hubungan, menyembuhkan luka, atau memahami diri — memerlukan masa, kesabaran, dan pengulangan. Doa rosari berada dalam ruang ini.

Pengulangan dalam rosari bukan kekosongan, tetapi ritma. Seperti seorang ibu yang berulang kali menyebut nama anaknya dengan kasih, atau seperti nafas yang diambil tanpa kita sedari, doa yang berulang itu perlahan-lahan menenangkan jiwa. Ia memberi ruang untuk hati berhenti daripada kesibukan, dan mulai mendengar.

Memang benar, jika didoakan tanpa perhatian, rosari boleh terasa kosong. Tetapi begitu juga dengan banyak perkara lain dalam hidup — kerja, perbualan, bahkan hubungan — yang kehilangan makna apabila hati tidak hadir.

Berdoa rosari menuntut lebih daripada kata-kata; ia mengundang kehadiran batin. Dalam setiap Salam Maria, dalam setiap misteri yang direnungkan, kita diajak memasuki kehidupan Kristus bersama Bonda Maria — melihat, merasai, dan akhirnya belajar mengasihi seperti Dia. Doa ini mendidik hati: dari gelisah menjadi tenang, dari luka menjadi harapan.

Doa rosari juga mengajar kita bahawa damai bukan sesuatu yang dipaksakan, tetapi sesuatu yang dibentuk.

Ketika jari kita menggenggam butir demi butir rosari, kita sebenarnya sedang menyerahkan kecauan hidup kepada Tuhan — membiarkan Dia menyusun kembali apa yang telah pecah.

Dalam kesederhanaannya, doa ini menjadi ruang di mana manusia yang rapuh bertemu dengan kasih yang tidak pernah gagal.

Lebih indah lagi, rosari bukan hanya doa peribadi. Ia adalah doa Gereja — doa yang menyatukan. Walaupun didoakan dalam kesunyian bilik atau di bangku Gereja yang sepi, ia tetap bergema bersama jutaan umat di seluruh dunia. Dalam doa yang sama, kita dipersatukan sebagai satu keluarga iman, memohon perkara yang sama: damai untuk dunia, penyembuhan bagi yang terluka, dan harapan bagi yang hampir putus asa.

**MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.**

**Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.**

**Kita boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my) atau**

**WhatsApp: 011-26391498**



## 11 Pelajar UiTM tamat Modul Discovery di Banting

BANTING: Pada April 18, 2026, seramai sebelas pelajar UiTM menerima sijil tamat Modul Discovery. Mereka diraikan dalam Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Eugene Benedict di Gereja Sts Peter and Paul.

Modul Discovery oleh AMNEC (Misi Keuskupan Baru Evangelisasi untuk Kristus) ialah satu program asas evangelisasi yang membantu peserta — terutama golongan muda dan dewasa muda — mengenal Yesus secara peribadi dan memahami iman Katolik dengan lebih hidup. Para peserta telah dibimbing oleh para fasilitator berpengalaman: Philip Zarsadias, Joseph Mariadass, Catherine Joseph, Dominic Hong, Catherine Parinas dan Dennis Christopher Jacob.

Para pelajar tersebut — antaranya Cassandra Isabel Pius, Faustina Kumang anak John, Jerimiah Jana anak Joshua, Joyce Nicole Nicholas Mojugit, Laura Hostein anak Robert, Lionell Max Ryan anak Zainuddin, Mischa Vindang anak Bollen, Nelson anak Tuah, Shaun Hakkinen anak Cagim, Stephen Ladie anak Mata-Ari dan Tracy Nicole



Cosmas — berkongsi bahawa pengalaman ini telah membantu mereka membina hubungan yang lebih peribadi dengan Yesus serta mendorong mereka untuk meletakkan-Nya sebagai pusat kehidupan.

Seorang pelajar mengakui bahawa bulan-bulan yang dilalui sebelum ini penuh cabaran. Namun, melalui setiap sesi yang diikuti, dia mula belajar untuk mempercayai rencana Tuhan dan perlahan-lahan hatinya semakin dekat kepada-Nya.

Pelajar lain pula berkongsi bahawa suatu ketika dahulu dia berasa kosong dan hilang arah, seolah-olah hidup tanpa tujuan. Kini, dia menemukan kembali makna hidup serta mengalami hubungan yang lebih hidup dan nyata dengan Tuhan.

Bagi peserta lain, pengalaman ini menjadi titik perubahan rohani — membantu mengatasi kekeringan iman, menguatkan keyakinan, serta membuka hati untuk menerima kasih Tuhan yang tidak bersyarat.

Ada juga yang menyatakan bahawa sesi Discovery membantu menjelaskan keraguan dan memperlihatkan bahawa hubungan dengan Tuhan sebenarnya tidak rumit, sebaliknya boleh dialami secara peribadi dalam kehidupan harian.

Sesi kumpulan kecil menjadi ruang yang bermakna dan memberi kesan mendalam kepada para peserta. Momen ini menjadi kesedaran rohani untuk kembali meletakkan Tuhan sebagai keutamaan.

Melalui sesi dan refleksi, peserta menyedari bahawa menerima Tuhan membawa arah, kekuatan dan makna hidup.

Mereka juga terdorong untuk terus bertumbuh dalam iman serta berkongsi pengalaman ini.

Sebagai kesinambungan, Gereja Sts Peter and Paul akan menganjurkan satu lagi siri sesi Discovery melibatkan 26 peserta dari pelbagai KED, dan akan diadakan setiap hari Minggu selepas Misa selama enam minggu.

Untuk maklumat lanjut, umat boleh menghubungi Dominic Hong atau Joseph Mariadass (016 265 7832).

## OFS raikan upacara penerimaan dan profesion kekal



CHERAS: Dalam suasana kesyukuran dan sukacita, ahli Ordo Franciscan Secular (OFS) dari pelbagai fraterniti Gereja St Francis of Assisi, bersyukur dan bersukacita untuk meraikan dua peristiwa penting: Upacara Penerimaan dan Profesion Kekal.

Upacara dimulakan dengan pengumuman calon oleh Ketua Fraterniti Tempatan, Mario Richard Peter OFS, serta Pembimbing, Margaret Cecilia OFS.

Empat orang ahli melafazkan komitmen Profesion Kekal, manakala lima lagi memohon untuk diterima ke dalam Ordo.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Fr Gilbert James OFMCap, Kustos bagi Custody Malaysia-Singapura.

Dalam homilinya, Fr Gilbert mengaitkan Injil tentang Yesus berjalan di atas air dengan panggilan untuk melayani, sebagaimana digambarkan dalam pembacaan mengenai pelantikan diakon dalam Gereja awal.

Fr Gilbert menegaskan bahawa panggilan dalam OFS ialah satu komitmen mendalam untuk menghayati Injil menurut semangat Sto Francis dari Assisi — bukan menjauhkan diri daripada dunia, tetapi

hadir lebih dekat dengan dunia melalui iman dan kesaksian hidup.

Kepada mereka yang baru diterima, beliau mengingatkan agar tidak takut menghadapi cabaran hidup, kerana Tuhan sentiasa hadir dalam saat-saat mencabar kehidupan.

Dalam homilinya, Fr Gilbert mengaitkan Injil tentang Yesus berjalan di atas air dengan panggilan untuk melayani, sebagaimana digambarkan dalam pembacaan mengenai pelantikan diakon dalam Gereja awal. Sementara itu, bagi mereka yang mengikrarkan Profesion Kekal, Fr Gilbert menekankan kesetiaan dan ketekunan, walaupun berdepan kesukaran.

Mengambil inspirasi daripada Kisah Para Rasul, Fr Gilbert menjelaskan bahawa Franciscan Sekular dipanggil untuk melayani dalam kehidupan harian—dalam keluarga, tempat kerja, komuniti dan di tengah mereka yang memerlukan—dengan semangat kerendahan hati.

Beliau turut menekankan peranan penting Ekaristi sebagai sumber kekuatan rohani. Setiap penerimaan Ekaristi, katanya, memperbaharui kekuatan untuk terus berjalan bersama Kristus dalam realiti ke-

hidupan yang tidak selalu mudah.

Perayaan ini menjadi lebih bermakna kerana sebahagian calon telah melalui tempoh pembentukan semasa pandemik COVID-19, menunjukkan kesetiaan dan ketabahan mereka dalam iman.

Pada akhir upacara, para calon yang diterima dan ahli yang membuat profesi menandatangani daftar persaudaraan sebagai tanda komitmen rasmi mereka. Majlis kemudian diteruskan dengan sesi persekutuan yang penuh keakraban.

Liturgi diakhiri dengan doa kepada Bunda Maria, memohon perlindungan dan bimbingannya ke atas semua ahli yang baru memulakan langkah dalam perjalanan ini.

Perayaan ini menandakan satu komitmen baharu dalam kalangan SFO untuk terus menghidupi Injil dalam kehidupan seharian, dengan menjadi saksi kepada damai, kerendahan hati dan semangat persaudaraan.

Fraterniti OFS juga berharap lebih ramai umat akan terdorong untuk menghayati cara hidup Franciscan, sebagaimana mereka yang telah berani menyalurkan panggilan ini pada zaman kini.



## Rahmat Kerahiman Ilahi mengalir di Toboh

TOBOH, Tambunan: Dalam suasana penuh rahmat dan sukacita Paskah, Pesta Kerahiman Ilahi Peringkat Keuskupan Keningau yang berlangsung di Gereja Holy Cross Toboh pada April 19, 2026 telah menghimpunkan lebih 500 pendevisi dan umat dari seluruh keuskupan dalam satu perayaan iman yang meriah dan menyentuh hati.

Perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong itu turut dihadiri oleh Fr Bede Morti, Pengarah Spiritual Kerasulan Kerahiman Ilahi Keuskupan Keningau.

Turut bersama Uskup dan Fr Bede di altar ialah Fr Wilfred James selaku paderi paroki Holy Cross Toboh, Fr Giovanni Chrysostom, CSE dan Fr Lazarus Uhin.

Dalam limpahan rahmat Kerahiman Ilahi, Uskup Cornelius menyeru mereka agar tidak sekadar berdoa, tetapi menghidupi belas kasih itu dalam setiap langkah kehidupan.

Sebagai pendevisi, mereka diajak mempercayai diri sepenuhnya kepada Yesus, setia mendoakan Koronka, serta menjadi saksi kasih melalui pengamunan, belas ihsan dan pelayanan kepada sesama — agar dunia semakin disentuh oleh cahaya kerahiman-Nya.

Uskup Cornelius berpesan, “Dalam setiap detik, anda sebagai pendevisi Kerahiman Ilahi, diundang untuk berkata dengan penuh iman, “Yesus, Engkau andalanku,” sambil membuka hati kepada rahmat yang menyembuhkan dan membaharui hidup.”

Selepas Misa, Bapa Uskup mengumumkan tuan rumah sambutan Pesta Kerahiman Ilahi tahun 2027 ialah Gereja St Bede, Mission Nabawan.